



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (55)

Tarikh : 27 Ogos 2021

SIARAN MEDIA

PEMAKLUMAN SISTEM SEMAKAN DAN KELULUSAN PENGECUALIAN (PELANJUTAN) TEMP OH LIABILITI KECACATAN (*DEFECT LIABILITY PERIOD* – DLP) BAGI SEKSYEN 36(2) DAN 36(3), AKTA 829 OLEH KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (SISTEM DLP AKTA 829)

PUTRAJAYA, 27 Ogos 2021 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ingin memaklumkan bahawa Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah mewujudkan **Sistem DLP Fasa 2 bagi permohonan pengecualian (pelanjutan) tempoh DLP di bawah Seksyen 36(2) dan 36(3), Akta 829** susulan dari pewartaan Akta 829 oleh Kerajaan bagi mengurangkan kesan penyakit COVID-19 termasuk pengubahsuaian peruntukan yang berkaitan tempoh liabiliti kecacatan dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118).

Sistem DLP Fasa 1 telah mula beroperasi sejak 6 Mei 2021 bagi semakan pengecualian (pelanjutan) tempoh DLP di bawah Seksyen 36(1), Akta 829. Manakala Sistem DLP Fasa 2 adalah untuk permohonan pengecualian (pelanjutan) tempoh DLP di bawah Seksyen 36(2) dan 36(3), Akta 829. Sistem DLP Fasa 2 ini telah mula beroperasi dan boleh diakses (**Go Live**) melalui pautan <https://dlp.kpkt.gov.my> bermula pada **25 Ogos 2021, jam 3.00 petang**.

Sistem DLP Fasa 2 ini dibangunkan bertujuan memudahkan pembeli rumah menyemak kelayakan dan mendapat pengecualian (pelanjutan) tempoh DLP sekiranya memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan di bawah Seksyen 36(2) dan 36(3), Akta 829.

Sebarang pertanyaan berkaitan **Sistem DLP Fasa 1 atau Fasa 2 bagi Seksyen 36(1), 36(2) dan 36(3), Akta 829** ini, orang ramai boleh menghubungi talian **03-88914287 / 03-88914476** atau emel ke dlpjpn@kpkt.gov.my.

-TAMAT-

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my